

R 0343 BAH
MOHAMED - MUSYAWARAH

KOTA BAHARU, 12 SEPT (BERNAMA) -- MUSYAWARAH MUSA-MAHATHIR DAN PARA PEMIMPIN YANG TIDAK SEHALUAN PENDAPAT DAN PENDIRIAN DALAM UMNO PATUT DISOKONG OLEH SEMUA PIHAK.

MENTERI BESAR, DATUK HAJI MOHAMED YAACOB BERKATA USAHA KE ARAH ITU PERLU DILAKUKAN BERSUNGGUH-SUNGGUH DENGAN MELETAKKAN KEPENTINGAN UMNO DI SAMPING AGAMA, NEGARA DAN PERPADUAN RAKYAT SEBAGAI ASAS PERBINCANGAN DALAM MENCARI KATA SEPAKAT.

MEMJAWAB PERTANYAAN PARA PEMBERITA MENGENAI CADANGAN MUSYAWARAH MUSA-MAHATHIR SELEPAS MAJLIS MERAIKAN PASUKAN BOLASEPAK KELANTAN YANG LAYAK KE SUKU AKHIR DI SINI MALAM TADI, BELIAU BERKATA JIKA BENAR MUSYAWARAH ITU DIADAKAN, MAKA IA ADALAH SUATU YANG BAIK DAN PATUT DISANJUNG TINGGI.

DITANYA SAMADA KEDUA-DUA PEMIMPIN ITU YANG MEWAKILI PENYOKONG MASING-MASING AKAN MENCAPAI KATA SEPAKAT ATAU TIDAK, BELIAU BERKATA TUJUAN PERBINCANGAN ADALAH UNTUK MENCARI PENYELESAIAN TERHADAP MASALAH YANG DIHADAPI DAN SOAL BERHASIL ATAU SEBALIKNYA TIDAK PATUT DIFIKIRKAN.

+KALAU PUN MUZAKARAH PERTAMA MUNGKIN TIDAK MENDATANGKAN HASIL, KEDUA-DUA PIHAK BOLEH MELANJUTKANNYA DENGAN SEBERAPA MUSYAWARAH LAGI SEHINGGA PENYELESAIAN YANG DIHARAPKAN TERCAPAI+, UJARNYA. --LAGI
1439MST 12 09 88

0530

R 0347 BAH
MOHAMED - MUSYAWARAH 2 KOTA BAHARU (ULANGAN)

MENTERI BESAR YANG JUGA Pengerusi UMNO Negeri yakin kesediaan kedua-dua tokoh itu untuk bermusyawarah membuktikan bahawa mereka sedar tentang akibat buruk yang akan diterima oleh UMNO, agama, negara, bangsa dan rakyat negara ini jika percanggahan pendapat dan pendirian berlanjutan.

Katanya, sesiapa pun yang cintakan keamanan dan kestabilan politik dan ekonomi negara patut menyokongnya dan sebarang usaha untuk menggagalkannya bolehlah disifatkan sebagai +perbuatan khianat+ dan +anti keamanan+.

Beliau berkata percanggahan pendapat dan pendirian samada dalam politik mahu pun atas sifat peribadi adalah perkara biasa kepada manusia yang mempunyai +rambut sama hitam tapi hati lain-lain+.

Bagi beliau, perselisihan yang berlaku antara tokoh-tokoh yang sebelum ini sama-sama berusaha membangunkan negara adalah merupakan +ribut dalam cawan+ atau +carik-carik bulu ayam, sampai masanya akan bercantum kembali+.

Katanya, kebanyakan pemimpin mempunyai semangat cintakan kesetabilan negara, politik dan ekonomi serta kesejahteraan rakyat walaupun pendirian mereka tidak sebulu dengan kepimpinan sekarang.

-- BERNAMA/RH
1447MST 12 09 88